



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 11 DISEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# ‘Saya tak tahu ini barang tiruan’

Alasan peniaga selepas gerai jualan pakaian miliknya di ruang legar pusat beli-belah diserbu

Oleh Mohd Haris Fadli  
Mohd Fadzil  
harisfadli@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

‘Apa itu tiruan, saya tak tahu ini barang tiruan, kalau saya tahu, saya tak jual.’

Itu alasan seorang lelaki selepas gerai jualan pakaian miliknya di ruang legar sebuah pusat beli-belah, di sini, diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeiri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kuala Lumpur, kelmarin.

Pemerhatian Harian Metro mendapat premis berkenaan menjual pelbagai jenis pakaian berjemaah disyaki tiruan.

Ketika ditemui, lelaki berkenaan mengaku mengambil pakaian dari pengedar di sekitar Jalan Kenanga, di sini, yang sinonim dengan barang tiruan.

“Ini semua (pakaian) tiruan? Saya pun tidak tahu kerana saya pun ambil dari supplier (pengedar) di (Jalan) Kenanga.



SEBANYAK 429 helai baju dan seluar berjemaah tiruan ditemui dan disita dalam pemeriksaan di sebuah pusat beli-belah di Kuala Lumpur.

“Apa itu tiruan, cuba tuan explain (jelaskan) pada saya, apa maksud dia?” soalnya kepada pegawai KPDN Kuala Lumpur yang melakukan pemeriksaan, di sini.

Sebelum itu, suasana di pusat beli-belah berkenaan

bertukar kecoh seketika apabila salah seorang pekerja wanita warga asing di premis terbaik me-

rona-rona ketika ditahan pasukan operasi dalam pemeriksaan terbabit.

Sementara itu, Ketua Pegawai Pegawai KPDN Kuala Lumpur, Nurul Syarina Md

Anuar berkata, serbuan dijalankan susulan klip video yang tular di TikTok memaparkan premis terbabit menjual barang tiruan secara terang-terangan di sebuah pusat beli-belah.

Katanya, pihaknya merampas 429 baju dan se-

luar berjemaah tiruan dianggarkan bernilai RM17,000 dalam pemeriksaan itu kerana didapati melakukan kesalahan mengikut Akta Cap Dagangan 2019.

“Hasil maklumat, stok baju dan seluar ini diperolehi dari sebuah pusat pemborong yang beroperasi di Jalan Kenanga, Kuala Lumpur.

“Peniaga ini bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain bergantung kepada situasi dan lokasi jualan sebelum ini adalah di sebelah selatan sebelum berpindah ke ibu negara,” katanya dalam kenyataan, di sini.

Katanya, seorang lelaki tempatan iaitu pemilik perniagaan dan seorang wanita warga asing iaitu pekerja ditahan untuk siatasan lanjut.

“Siasatan dibuat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentangan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATPUA 2001),” katanya.

Serbuan dijalankan susulan klip video yang tular di TikTok



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

| BERITA ONLINE BERTARIKH 11 DISEMBER 2024 |  |   |                |
|--|--|---|----------------|
| TARIKH                                   | TAJUK  | PAUTAN  | MEDIA          |
| 11-Dec                                   | 'Saya tak tahu ini barang tiruan'                          | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1164539/saya-tak-tahu-ini-barang-tiruan#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1164539/saya-tak-tahu-ini-barang-tiruan#google_vignette</a> | HARIAN METRO   |
| 11-Dec                                   | Penjual jam tiruan didenda RM84,000                        | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/701437/berita/semasa/penjual-jam-tiruan-didenda-">https://www.sinarharian.com.my/article/701437/berita/semasa/penjual-jam-tiruan-didenda-</a>                       | SINAR HARIAN   |
| 11-Dec                                   | KPDN Sandakan serbu premis jual gula mahal di Sugut        | <a href="https://sabahmedia.com/2024/12/10/kpdn-sandakan-serbu-premis-jual">https://sabahmedia.com/2024/12/10/kpdn-sandakan-serbu-premis-jual</a>   | SABAH MEDIA    |
| 11-Dec                                   | KARNIVAL KPDN 2024 ZON SELATAN REKOD JUALAN LEBIH RM3 JUTA | <a href="https://www.melakahariini.my/karnival-kpdn-2024-zon-selatan-rekod-jualan-lebih-">https://www.melakahariini.my/karnival-kpdn-2024-zon-selatan-rekod-jualan-lebih-</a>                                       | MELAKA HARIINI |